

TAKWIM PERISTIWA PENTING

Aktiviti Perniagaan



Kiri: **Mei 2008** Y Bhg Tan Sri Dato' Azman Hashim (kiri) melancarkan AmAsia Star sambil diperhatikan Encik Ng Lian Lu (Ketua Pegawai Eksekutif, AmAssurance).

Kanan: **Ogos 2008** (Dari kiri) Cik Yvonne Phe, Ketua Pegawai Pelaburan, Pendapatan Tetap, Bahagian Pengurusan Dana ("FMD"), Encik T C Kok, Pengarah Urusan, AmInvestment Bank Berhad, Cik Aisyah Lam, Ketua Pengurusan Kekayaan, Citibank dan Y Bhg Datin Maznah Mahbob, Ketua Pegawai Eksekutif, FMD di pelancaran AmCommodities Extra.



April 2008

- AmIslamic Bank menandatangani Memorandum Persefahaman ("MOU") dengan Syarikat Rahman Brothers Travel & Tours untuk Pelan Pembayaran Mudah pakej Umrah syarikat pelancongan itu, khususnya untuk pemegang kad Al-Tasrif AmIslamic Bank.
- AmIslamic Bank menandatangani aqad dan perjanjian amanah untuk perniagaan dana zakat dengan AmTrustee.
- AmInvestment Bank menganjurkan program jabatan untuk Sabah Development Bank untuk membiaya dan menyokong aktiviti pembangunan di Sabah untuk tempoh 20 tahun.
- Bahagian Pengurusan Dana di AmInvestment Bank Group mengambil bahagian dalam acara Hong Leong Investment Focus 2008 sebagai salah sebuah penaja Emas.
- Kumpulan AmBank melantik LIST S.p.A., Italy sebagai rakan penyedia penyelesaian pengurusan risiko operasi Kumpulan.

Mei 2008

- AmInvestment Bank menandatangani perjanjian menaja jamin dengan Sealink International Berhad untuk tawaran awam permulaannya sebanyak 113.37 juta saham biasa baru. AmInvestment Bank bertindak sebagai Penasihat, Penaja Jamin Tunggal, dan Agen Penempatan Tunggal.
- Kumpulan AmBank melancarkan AmAsia Star, sebuah dana jaminan modal 100.0%.
- AmBank (M) Berhad menyumbang wang tunai RM10,000 dan 300 kad NexG iTalk sebagai penaja utama 4th Asian Universities Debating Championship 2008.
- AmAssurance melancarkan produk-produk wanita pertamanya, AmBeautiful and AmBeauty.
- AmAssurance Berhad melancarkan AmHospitality, AmEdu Package, dan AmSMI-F&B, rangkaian produk bukan-kenderaan.

- AmBank menandatangani perjanjian dengan 7-Eleven Malaysia Sdn Bhd, untuk pemasangan Mesin Pengeluar Wang Automatik (ATM) di 400 kedai 7-Eleven.

Jun 2008

- Y A Bhg Tun Dr Mahathir Mohamad menyampaikan anugerah berprestij "BrandLaureate Brand Personality Award" kepada Y Bhg Tan Sri Dato' Azman Hashim, Pengerusi Kumpulan AmBank, sebagai tanda penghargaan kepada individu cemerlang yang telah banyak menyumbang kepada kelahiran jenama-jenama dalam industri perbankan.
- AmBank sebagai Penasihat, Penaja Jamin Tunggal, dan Agen Penempatan Tunggal untuk penyertaan Luxchem Corporation Berhad di Papan Utama Bursa Malaysia.
- Kumpulan AmBank dan Australia and New Zealand Banking Group ("ANZ") memberi penerangan tentang Malaysia kepada pelabur Australia di "Asia Investor Roadshow" – ANZ membawa sekumpulan penganalisis perbankan utama dan wakil-wakil syarikat pengurusan dana Australia bersama-sama menyertai acara jerayawara tujuh hari mewar-warkan strategi pertumbuhan ANZ di Asia.
- AmInvestment Bank menandatangani Memorandum Persefahaman MOU dengan Innoprise Corporation Sdn Bhd dan Sabah Development Bank Berhad untuk cadangan pembangunan Projek Sabah International Convention Complex.
- AmInvestment Bank Group dan Konzen Group melancarkan usahasama dana air di Singapura, AmKonzen Water Investments Management Pte Ltd.
- Kumpulan AmBank merupakan Penaja Korporat untuk 12th Malaysian Banking Summit 2008, dengan tema "Taking the Leap in Paradigm Shift of Banking – New Wave, New Ventures".

Julai 2008

- AmInvestment Bank menaja bersama seminar bertajuk "Global Update on Sukuk: Post AAOIFI Pronouncement".

- Bahagian Pengurusan Dana AmInvest Bank Group melancarkan AmEmerging Market Bond, yang menawarkan pintu masuk membuat pelaburan di pasaran membangun.

- AmInvestment Bank antara penaja jamin dalam cadangan penyenaaraan Perwaja Holdings Berhad di Papan Utama Bursa Malaysia.
- AmIslamic Bank melancarkan AmHigh Takaful Investment-Linked Plan, pelan berkait pelaburan yang unik dan menurut kehendak Shariah.
- AmInvestment Bank Berhad sebagai Penasihat, Penaja Jamin Tunggal, dan Agen Penempatan Tunggal untuk penyenaaraan Uzma Berhad di Papan Kedua Bursa Malaysia.
- AmAssurance memenangi Regional Outstanding Entrepreneurship Award 2008 di majlis Asia Pacific Outstanding Entrepreneurship 2008 Awards.

Ogos 2008

- AmInvestment Bank Group dianugerahkan dengan gelaran "Top 4 Asian Investment Bank for Asia Ex-Japan M&A Deals 2008" daripada Malaysian Investment Banking Association dan Pinnacle Group International Pte Ltd.
- AmBank (M) Berhad menandatangani Memorandum Persefahaman MOU dengan I-Berhad sebagai Rakan Kongsi Strategik Pintar dalam menawarkan produk kewangan and perkhidmatan kepada pelanggan i-City.
- AMMB Holdings Berhad dan ANZ menubuhkan perniagaan pertukaran asing, kadar faedah dan terbitan komoditi Kumpulan AmBank.
- Bahagian Pengurusan Dana AmInvestment Bank Group melancarkan dana baru yang dikenali sebagai AmCommodities Extra.
- AmIslamic Bank melancarkan Deposit Islam Berstruktur pertama yang digelar Active Commodities Islamic Negotiable Instrument of Deposit ("NID-i").
- AmIslamic Capital Markets menaja edisi ketiga Malaysian Islamic Finance ("MIF") 2008 Issuers and Investors.



Kiri: **Disember 2008** Di Majlis Pengumuman Perkongsian Strategik antara Friends Provident plc dan Kumpulan AmBank, dari kiri: Encik Richard Duxbury, Pengarah Pembangunan Strategik, Antarabangsa, Friends Provident Life and Pensions Ltd; Encik Rocco Sepe, Pengarah Urusan, Antarabangsa, Friends Provident Life and Pensions Ltd; Sir Adrian Montague, CBE, Pengerusi, Friends Provident plc, Y Bhg Tan Sri Dato' Azman Hashim, Pengerusi, Kumpulan AmBank; Encik Cheah Tek Kuang, Pengarah Urusan Kumpulan, Kumpulan AmBank; dan Encik Ng Lian Lu, Ketua Pegawai Eksekutif, AmAssurance.

September 2008

- Unit Pembrokeran Saham Islam ("ISB") AmInvestment Bank Group secara rasmi melancarkan Pembrokeran Saham Islam, satu langkah di hadapan dalam membangunkan lagi industri perkhidmatan kewangan Islam.
- Bahagian Pengurusan Dana AmInvestment Bank Group melancarkan AmCommodities Active-Capital Protected, dana perlindungan modal tidak konvensional terbaru AmMutual.
- AmAssurance melancarkan edisi kedua kempen keselamatan jalanraya kebangsaan bertemakan "Drive Safely. We Care".

Oktober 2008

- AmAssurance melancarkan AmLifestyle, pelan berkait pelaburan yang memberikan perlindungan komprehensif disamping memenuhi keperluan pelaburan.
- AmTrustee Berhad adalah antara yang dijemput berucap di Konvensyen Kebangsaan berhubung pentadbiran Harta Peninggalan, Wasiat dan Waqaf, dianjurkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu ("MAIDAM") serta Jabatan Syariah Fakulti Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

November 2008

- Kumpulan AmBank mengambil bahagian sebagai Penaja Perak dalam Minggu Kesedaran Kewangan di Johor Bahru.
- Kumpulan AmBank dan MAA Holdings Berhad mengumumkan cadangan melibatkan bahagian insurans am Kumpulan AmBank dalam pembelian 100.0% pegangan dalam perniagaan insurans am Malaysian Assurance Alliance Berhad's ("MAA Assurance") serta perkongsian strategik dengan MAA Takaful Berhad.
- AmBank melancarkan kad kredit "no-frills" di Malaysia, yang dinamakan AmBank True Visa.

- Bancassurance melancarkan MegaFD Enhanced sejajar dengan kempen AmBank Bancassurance.
- Kumpulan AmBank terlibat dalam National Accountants Conference 2008 sebagai Penaja Perak.

Disember 2008

- Pusat Perhubungan AmBank diberi Anugerah Emas untuk kategori "Best Contact Centre Telemarketer" dan juga Anugerah Kecemerlangan Khas untuk "Best Mystery Shopper Results for Telemarketing Contact Centre" di Majlis Anugerah CCAM Annual Contact Centre 2008 Ke-9.
- AMMB Holdings Berhad menerima Sijil Merit National Annual Corporate Report Awards ("NACRA") 2008.
- Bahagian perbankan runcit Kumpulan AmBank dipilih antara 30 Jenama Paling Berharga di Malaysia.
- AmBank memenangi kategori Perniagaan Terbaik Program Platinum di Anugerah MasterCard Asia/Pacific Middle East and Africa 2008 di Singapura.
- Kumpulan AmBank umumkan perkongsian strategik dengan Friends Provident plc (UK) dalam perniagaan Insurans Hayat.
- AmBank membeli 600 mesin untuk dipasang di semua cawangan seluruh negara menjelang pertengahan 2009.
- AmAssurance Berhad dibahagi dua kepada operasi insurans am serta operasi insurans hayat, dan dikendalikan sebagai dua syarikat berasingan.
- AmInvestment Bank Group ("AIGB") menaja Brunei Islamic Finance News Forum.

Januari 2009

- Bahagian Pengurusan Dana, AmInvestment Bank Group melancarkan produk AmMutual dana berstruktur patuh Syariah, AmStaples.
- AmBank (M) Berhad melancarkan Family First, penyelesaian kewangan semua-dalam-satu untuk memenuhi semua aspek keperluan kewangan keluarga.

- AmBank melancarkan kempen jelajah dua bulan untuk memperkenalkan produk inovatif AmBank NexG Prepaid MasterCard untuk pelajar-pelajar kolej dan universiti.

Februari 2009

- Kumpulan AmBank melancarkan produk deposit berstruktur konvensional yang kedua, Floating Rate Negotiable Instrument of Deposit ("FRNID") dikenali sebagai AmTriple Opportunities FRNID.
- Bahagian Pengurusan Dana AmInvestment Bank Group melancarkan AmTriple 30-Capital Protected.
- AmBank (M) Berhad melancarkan kempen deposit dikenali sebagai Pertandingan AmBank Treasure Quest.
- AmIslamic Funds Management Sdn Bhd diumumkan akan meneruskan usaha sebagai cabang pengurusan Dana Islam berdedikasi untuk Bahagian Pengurusan Dana AmInvestment Bank Group.
- Unit perniagaan The Wealth Advisory umumkan perkongsian antara AmBank (M) Bhd dan UAS Bistari Management Sdn Bhd.
- AmInvestment Bank memenangi anugerah Best Real Estate Deal of the Year di majlis Islamic Finance News Deals of the Year 2008 sebagai penghargaan untuk program Sukuk Ijarah RM300 juta Al-'Aqar Capital dengan AmInvestment Bank sebagai Pengatur dan Penasihat Utama.

Mac 2009

- Dana dagangan pertukaran FBM30etf AmInvestment Bank Group umumkan pengagihan pendapatan terakhir sebanyak 6 sen seunit untuk tahun kewangan berakhir Disember 2008.
- AmBank (M) Berhad selesaikan terbitan modal pertama RM500 juta Non-Innovative Tier 1.
- AmInvestment Bank melancarkan waran 'zero strike' sehingga RM100 juta untuk saham Kelas B Berkshire Hathaway Inc Warren Buffet.
- Bahagian Pengurusan Dana bersama Bursa Malaysia menampilkan divisi AmIslamic Funds Management di persidangan Islamic World Asia 2009.